

24 OCT 1996

Mahathir-Peneroka

PM NASIHAT PENEROKA YANG JADI JUTAWAN JANGAN BOROS

JITRA, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan peneroka merancang masa depan dan tidak boros membelanjakan kekayaan yang diperolehi hasil daripada penjualan tanah mereka.

Beliau berkata, rancangan yang teliti amat penting bagi menjamin mereka tidak kembali kepada keadaan yang daif, kekurangan dan lemah sehingga mereka dihina oleh orang lain kerana tidak tahu mengurus kekayaan dan mengatur masa depan yang sempurna.

Beliau merujuk kepada 451 orang peneroka Rancangan Tanah Felda L.B. Johnson, dekat Seremban yang dikatakan menjadi jutawan hasil penjualan tanah mereka.

Dr Mahathir berkata adalah tidak salah untuk mereka membelanjakan wang tetapi sebahagian besar daripada wang itu sepatutnya dilaburkan ataupun digunakan untuk membeli harta kekal yang dapat menjamin masa depan yang cerah kepada diri mereka dan generasi akan datang.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan sambutan tahunan Ulang Tahun ke-40 Peneroka Felda Peringkat Kebangsaan dan Pelancaran Yayasan Peneroka Negara di Felda Bukit Tinggi, Changlun, dekat sini, hari ini.

Yayasan itu bertujuan membantu peneroka yang menghadapi masalah kewangan ataupun kesihatan.

Perdana Menteri berkata peneroka tidak harus menganggap wang sebagai satu kemudahan untuk berbelanja tetapi ia harus dilihat sebagai modal untuk merancang masa depan mereka.

Kerajaan tidak menghalang peneroka menjual tanah jika ada tawaran tetapi mereka yang ingin berbuat demikian perlu merancang bagaimana untuk meneruskan kehidupan selepas itu, katanya. -- BERNAMA